



B. MELAYU -ns

kata pemeri

• Terdapat dua jenis kata pemeri iaitu:

i. adalah

ii. ialah

• Kata pemeri tidak boleh hadir di hadapan frasa kerja.

KATA PEMERI	MAKSUD	AYAT CONTOH
ialah	<ul style="list-style-type: none">- menunjukkan persamaan- hadir di hadapan frasa nama	<ol style="list-style-type: none">1. Rumah yang cantik itu ialah rumah En. Mazlan.2. Emak ialah seorang guru.3. Agama rasmi Negara ialah agama Islam.
Adalah	<ul style="list-style-type: none">- menunjukkan huraian atau keterangan.- Hadir di hadapan frasa adjektif dan frasa sendi	<ol style="list-style-type: none">1. Meja yang dibeli itu adalah daripada kayu jati.2. Warna kasut abang adalah hitam.3. Tujuan pertandingan itu diadakan adalah untuk mencungkil bakat baru.





B. MELAYU

-ns

kata pemeri

Nota:

1. Pada umumnya, kata pemeri tidak boleh hadir bersama-sama dengan kata nafi.

SALAH	BETUL
Siswazah yang baru lulus itu <i>ialah</i> bukan pengetua maktab. Arahan itu <i>adalah</i> bukan untuk semua pegawai.	Siswazah yang baru lulus itu bukan pengetua maktab. Arahan itu bukan untuk semua pegawai.

2. Kata pemeri boleh wujud dalam binaan kata nafi + frasa adjektif. Contoh binaan kata nafi + kata adjektif:-

- i. Tidak benar
- ii. Tidak cantik
- iii. Tidak adil

Contoh ayat:

Laporan itu **adalah tidak benar**. Keputusan itu **adalah tidak adil**.





B.MELAYU

-ns

kata pemerri

Nota :

3. Kata pemerri **TIDAK BOLEH** hadir di **hadapan frasa kerja** atau **kata kerja**. Penggunaan kata pemerri adalah dalam ayat-ayat berikut dianggap menyalahi tatabahasa Bahasa Melayu.

Contoh :-

i. Adalah diberitahu sekolah akan ditutup esok.

Struktur ayat yang betul ialah:

- **Dengan ini** diberitahu bahawa sekolah akan ditutup esok.

Anda diberitahu bahawa sekolah akan ditutup esok.

- **Ibu Bapa** diberitahu bahawa sekolah akan ditutup esok.

- **Tuan-tuan** diberitahu bahawa sekolah akan ditutup esok.

- **Dengan hormatnya** diberitahu bahawa sekolah akan ditutup esok.



@studywithadmin



B.MELAYU

-ns

kata pemerri

Nota :

3. Kata pemerri **TIDAK BOLEH** hadir di hadapan frasa kerja atau kata kerja. Penggunaan kata pemerri adalah dalam ayat-ayat berikut dianggap menyalahi tatabahasa Bahasa Melayu.

Contoh :-

ii. **Adalah** diisytiharkan bahawa Hari Raya Puasa jatuh pada hari Selasa.

Struktur ayat yang betul ialah:

- Dengan ini diisytiharkan bahawa Hari Raya Puasa jatuh pada hari Selasa.

iii. Kegagalan projek itu **adalah** disebabkan oleh kecuaiian pihak pengurusan syarikat itu.

Struktur ayat yang betul ialah:-

- Kegagalan projek itu disebabkan oleh kecuaiian pihak pengurusan syarikat itu.



@studywithadmin